

Headline	HARGA 30 PERATUS LEBIH RENDAH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	8	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	405 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azahar Hashim	AdValue	RM 15,955
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,864



# HARGA 30% LEBIH RENDAH

FAMA sasar semua daerah di Kedah miliki ABR1M sebagai pusat pengumpulan barangan industri kecil dan hasil pertanian

## RENCANA

**Azahar Hashim**  
rencana@hmetro.com.my

**Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)** menyasarkan semua daerah di Kedah akan mempunyai kedai Agrobazar Rakyat 1 Malaysia (ABR1M) untuk kemudahan penduduk mendapatkan barangan keperluan serta menjadi pusat pengumpulan barangan industri kecil dan hasil pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan dan Usahawan Kedah Datuk Suraya Yaacob berkata, ABR1M menawarkan barangan keperluan harian termasuk ikan dan sayuran pada harga 20 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Katanya, kedai berkenaan dibangunkan dengan kerjasama pihaknya dan pemilik kedai terpilih yang menerima bantuan RM80,000 untuk menaik taraf kedai sedia ada.

"Untuk bina kedai baru memerlukan kos tinggi, jadi

ada di sesuatu kawasan serta menjual 30 peratus barangan basah.

"Apabila ditukar menjadi ABR1M, kita mengubah suai kedai terbabit lebih tersusun dan menarik.

"Kedai itu juga menjadi pusat pengumpulan hasil tani penduduk setempat yang boleh meletakkan hasil tanaman mereka untuk dijual kepada orang ramai," katanya ditemui selepas melawat Pasar Tani Kulim, Kedah, baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim Chua Teong Ghee, Ketua Pengarah FAMA Datuk Ahmad Ishak dan Pengarah FAMA Negeri Kedah Anuar Mohamad.

Suraya berkata, lima ABR1M beroperasi ketika ini di Kedah iaitu di Pendang, Sik, Langkawi, Kubang Pasu dan Kulim dan tiga lagi bakal dibuka di Bandar Baharu dan di Kubang Pasu.

"Hasil lawatan di kedai ABR1M di Sungai Ular, saya dapati kedai terbabit kini dalam keadaan lebih baik dan bersih serta mempunyai pelanggan tetap serta mendapat pendapatan yang lebih baik berbanding dulu," katanya yang turut melawat tapak pasar tani kekal di Taman Cendana



**SURAYA** (dua dari kanan) dan **Chua** (kanan) melihat beberapa jenis ulam tempatan.